
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HSL 333 – ISU-ISU TERPILIH DALAM SEJARAH ASIA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan.

...2/-

- 2 -

1. "Tamadun Jepun menampakkan gabongan antara pengaruh Cina, Siberia, Asia Tengah dan kepulauan Pasifik dengan elemen tempatan." Bincangkan pembentukan tamadun Jepun sebelum abad ke-16.
2. Sejauh manakah perubahan pertanian menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di zaman Tokugawa?
3. "Sebelum awal abad ke-19 pemikiran neo-Konfucian mendominasi sejarah pemikiran Jepun." Sejauh manakah pandangan ini dapat diterima?
4. "Sejarah budaya Jepun bermula dari abad ke-8 hingga zaman Meiji memperlihatkan penglibatan berbagai golongan masyarakat dari kelas atasan kepada rakyat biasa." Bincangkan.
5. "Restorasi 1868 digerakkan oleh kemarahan orang muda; marah atas kedatangan orang asing; marah kerana ketidakcekapan pihak bakufu (keshogunan); marah atas ketidakcekapan yang terus melemahkan negara; dan marah kerana mereka tidak diberi peluang untuk menyelesaikan masalah semasa." (Prof. Harootunian). Bincangkan.
6. "Orang Jepun masih enggan menerima hakikat sebenar berhubung penjajahan negara Jepun di Asia Tenggara, 1942-45." Bincangkan.
7. "Jepun pada hari ini menampakkan percampuran antara tradisi dan moden dalam kehidupan rakyatnya." Berdasarkan petikan ini sejauh manakah Jepun sesuai dijadikan model pembangunan sesebuah negara?

- 0000000 -